

UCAPAN MAJLIS PENUTUP  
KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2010  
OLEH YANG BERHORMAT  
DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA  
PADA 18 DISEMBER 2010 (SABTU)  
JAM 2.30 PETANG

---

Terima Kasih Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Thomas George  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berhormat Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Y. Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd. Karim  
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Rosman bin Yahya  
Pengarah Jabatan Kerja Raya Pahang  
merangkap Tuan Rumah Bersama, Kejohanan Sukan Kerja Raya 2010

Yang Berusaha Ir. Zainudin bin Abdul Kadir  
Ketua Pegawai Eksekutif PROLINTAS merangkap Tuan Rumah  
Bersama, Kejohanan Sukan Kerja Raya 2010

Yang Berbahagia Datuk Ir. Hamzah bin Hassan  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Ismail bin Mohd Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Hj. Nasir bin Mat Dam  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)  
Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Puan' Sri Dato' Zaiton binti Mhad Ali  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)  
Kementerian Kerja Raya

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah,

Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Konsesi,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia,

1. Syukur kehadiran Allah SWT kerana selepas 4 hari tuan-tuan dan puan-puan bertungkus lumus, mengerah tenaga yang ada, dan bersaing antara satu sama lain dalam Kejohanan Sukan Kerja Raya 2010 di

Bandar Kuantan, Pahang Darul Makmur ini, sekali lagi kita bersama-sama dapat berkumpul di dalam Upacara Majlis Penutup Kejohanan yang penuh gilang-gemilang pada petang ini. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur kerana telah sudi menjemput saya untuk bersama-sama merasai bahang kehangatan Kejohanan Sukan Kerja Raya 2010. Tahniah kepada tuan rumah bersama, iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang dan PROLINTAS Expressway atas usaha gigih serta komitmen yang tinggi dalam menjayakan penganjuran kejohanan sukan dwi tahunan ini. Ucapan ribuan terima kasih turut saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberi kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan kejohanan sukan ini.

2. Saya percaya Kejohanan seperti ini dapat membentuk kita menjadi insan yang lebih cemerlang, berdisiplin tinggi, bersedia berkerjasama, mempunyai semangat daya juang yang tinggi dan sudah semestinya mempunyai matlamat untuk berjaya dalam setiap acara yang ditandingi. Kejohanan sukan seperti ini juga, bukan sahaja dapat melahirkan insan yang mempunyai tubuh badan yang sihat serta minda yang cerdas, malah akan mampu menjadi pemangkin ke arah mutu perkhidmatan yang lebih tinggi. Dengan adanya elemen-elemen seperti yang saya nyatakan tadi, sudah pasti agenda yang dirancang oleh Kerajaan menerusi pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dapat disempurnakan bagi melonjakkan Malaysia ke tahap negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri berdasarkan konsep "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Penglibatan secara aktif oleh pihak swasta dalam arus pembangunan negara telah pun bermula sejak lebih 20 tahun yang lalu iaitu apabila Dasar Pensyarikatan mula diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1983. Ini kemudiannya disusuli pula dengan Dasar Penswastaan yang melengkapkan idea penglibatan sektor swasta untuk bersama-sama membangunkan negara. Hasil daripada wawasan para pemimpin negara terdahulu menerusi pelaksanaan dasar-dasar yang signifikan termasuk konsep penswastaan ini telah membolehkan Malaysia melonjak sebagai antara negara membangun yang paling progresif dan maju dalam tempoh lebih 50 tahun yang lepas.

4. Mungkin tuan-tuan dan puan-puan tertanya-tanya apakah rasionalnya saya sibuk bercakap tentang soal ekonomi dan pembangunan negara sedangkan tujuan kita berada di sini buat beberapa hari ini adalah untuk bersaing dalam acara sukan yang dipertandingkan. Tidak keterlaluan sekiranya saya katakan bahawa kita semua tidak mungkin berada di sini pada petang ini tanpa kewujudan dasar penswastaan dan pensyarikatan yang diilhamkan oleh pimpinan terdahulu. Kita juga tidak mungkin dapat sama-sama bersaing dengan penuh semangat kesukanan dalam Kejohanan ini tanpa kesinambungan jalinan kerjasama antara sektor awam dan swasta yang telah wujud sejak sekian lama. Sokongan daripada pihak swasta bukan sahaja diperlukan untuk menjayakan kejohanan ini malah yang lebih penting lagi ialah kerjasama awam-swasta dalam membangunkan negara. Kerjasama yang padu di antara kedua-dua sektor awam dan swasta inilah yang membolehkan Kementerian ini dan agensi-agensinya serta

syarikat-syarikat konsesi terus saling melengkapi dan seterusnya menjadi peneraju utama dalam merancang, menyedia dan menyelenggara infrastruktur negara. Senario positif ini bukan sahaja akan mewujudkan hubungan profesional yang harmoni antara kedua-dua pihak, malah akan dapat membantu memudahkan Malaysia mencapai tahap pembangunan negara yang lebih maju dan berdaya saing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Dalam pada kita bersukan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya janganlah kita lupa akan tanggungjawab kita kepada masyarakat. Baik syarikat-syarikat konsesi yang mengendalikan lebuhraya bertol, syarikat-syarikat konsesi yang diamanahkan menyelenggara aset-aset kerajaan di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya, mahupun kesemua penjawat awam yang bernaung di bawah bumbung Kementerian ini. Kita perlu sedar akan sebab-musabab sebenar kewujudan organisasi kita iaitu tidak lain dan tidak bukan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat berdasarkan fungsi masing-masing. Tugas ini perlulah dipikul dan dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan integriti yang tinggi. Kerajaan kini sememangnya amat menekankan kepada penyampaian perkhidmatan yang berkualiti selaras dengan *demand* atau tuntutan rakyat pada hari ini yang ketara semakin tinggi, lebih-lebih lagi kebelakangan ini terdapat pihak tertentu yang sudah mula menyuarakan rasa ketidakpuashatian mereka akan kesempurnaan infrastruktur yang diselenggara. Oleh itu tuan-tuan dan puan-puan, lakukanlah

tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita semua dengan sempurna dan teratur supaya aset yang perlu dijaga dan diselenggara sentiasa berada dalam keadaan sempurna, selesa dan selamat untuk digunakan.

6. Saya percaya rata-rata di kalangan kita yang berada di sini telahpun sedia maklum akan aspirasi kerajaan yang ingin melihat pemikiran kreatif dan inovatif diaplikasikan dalam pelaksanaan program dan apa jua aktiviti Kementerian dan agensi. Kita perlu elakkan menjalankan kerja-kerja mengikut amalan yang biasa kita buat. Sepertimana saranan Yang Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak Khamis lepas, pemimpin agensi-agensi pusat perlu berani menyemak kembali dasar atau keputusan yang didapati sukar untuk dilaksanakan. Dasar yang dibuat itu mungkin tepat tetapi adakalanya syarat-syarat yang dikenakan terlalu berat dan tidak realistik sehingga menyebabkan sesuatu rancangan sukar dilaksanakan.

7. Saya amat menghargai sekiranya ketua-ketua agensi yang berada di bawah Kementerian ini dapat memberi perhatian serius kepada saranan ini. Kita wajar mengambil tindakan yang lebih inovatif agar inisiatif kita dapat memberi hasil yang optimum kepada rakyat. Kita perlu bijak untuk menggunakan alternatif lain supaya dengan sumber yang terhad kita dapat menghasilkan output yang lebih banyak dan pada masa yang sama mutu hasil kerja dipertingkatkan.

8. Harapan saya agar pemikiran inovatif dapat diterapkan dalam semua bidang tugas kita. Kita semua mesti sedia untuk berubah dan sedia untuk mencuba atau mencari cara-cara baru yang lebih mendatangkan faedah. Peruntukan yang terhad sebenarnya bukanlah halangan untuk kita terus menyelenggara aset-aset kerajaan dengan baik, sebaliknya hendaklah menjadikan ianya sebagai cabaran supaya kita dapat menyelenggara aset kerajaan ini dengan sempurna dan masih dalam kuantiti yang sama. Ingatlah, walau di manapun kita berada, adalah mustahil bagi kita untuk bekerja dalam senario yang ideal dan di sinilah cabaran sebenar kita dalam membangunkan dan mengurus aset negara dengan menggembling sumber yang ada.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Suka saya mengingatkan bahawa kita sekarang sedang berada di awal musim tengkujuh. Tidak dapat tidak, sudah pasti kita terpaksa berhadapan dengan bencana banjir atau tanah runtuh sekiranya hujan yang turun berpanjangan tidak henti-henti. Sejak akhir-akhir ini, saya berasa amat risau akan keadaan cerun-cerun dan jalan-jalan kita yang akan dinaiki air apabila hujan yang turun berpanjangan. Saya berharap agensi dan pihak yang berkenaan tidak seharusnya mengambil pendekatan tunggu dan lihat sahaja. Pepatah Melayu sendiri ada menyebut 'sediakan payung sebelum hujan'. Oleh itu, saya pohon agar semua agensi dan syarikat-syarikat konsesi dapat mengambil tindakan awal dan bersifat *preventive*.

10. Saya yakin dan percaya, antara faktor kecil yang menyumbang ke arah masalah banjir dan cerun runtuh adalah disebabkan oleh kecuaiannya kita sendiri, iaitu kegagalan kita untuk menyelenggara sistem perparitan jalanraya dengan sempurna. Saya juga mengesyorkan supaya Bilik Gerakan di peringkat pusat wajar ditubuhkan segera bagi memantau keadaan jalan dan lebuh raya di sepanjang musim tengkujuh ini. Tidak perlu kita tunggu sehingga bencana berlaku barulah kita hendak membuka bilik gerakan. Pemantauan yang lebih kerap juga hendaklah dibuat dan diberi keutamaan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi untuk berlakunya bencana. Tindakan ini amat perlu agar keselamatan pengguna-pengguna jalan raya dan lebuh raya sentiasa dalam keadaan terjamin. Sekiranya musibah melanda, sudah pasti kita akan dapat memberikan bantuan dan pertolongan kepada mangsa-mangsa tadi dalam masa yang singkat. Tindakan segera kita membantu mereka amat diharapkan dan sudah pasti dapat meringankan bebanan yang dihadapi oleh mereka.

11. Di kesempatan ini saya memohon kepada syarikat-syarikat konsesi di bawah Kementerian Kerja Raya ini supaya sentiasa peka dan prihatin untuk membantu mangsa-mangsa bencana. Bersedialah untuk memberikan bantuan kemanusiaan sama ada dalam bentuk sumbangan atau keperluan asas seperti makanan, pakaian dan keperluan harian kepada mangsa-mangsa tersebut. Bantuan yang juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial kita ini sudah tentu sedikit sebanyak dapat meringankan penderitaan yang ditanggung oleh mereka. Selain itu, bantuan lain seperti tenaga atau anggota sukarelawan juga boleh disediakan bagi membantu meringankan rasa tekanan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa bencana tadi. kepada



pihak-pihak yang telah sedia melaksanakan tanggungjawab sosial ini, setinggi-tinggi penghargaan, syabas dan tahniah saya ucapkan. Semoga usaha murni ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Saya dimaklumkan Kejohanan Sukan Kerja Raya 2010 yang berlangsung selama 4 hari bermula Rabu lepas telah melibatkan 28 buah kontinjen dengan seramai 1,356 orang peserta bagi merebut 14 emas yang dipertandingkan. Jumlah ini adalah satu bilangan yang besar dan sudah pasti kejohanan ini akan dapat memupuk dan merapatkan lagi hubungan antara Warga Kerja Raya serta agensi-agensinya bersama dengan syarikat-syarikat konsesi di bawah Kementerian Kerja Raya.

13. Tahniah diucapkan kepada kontinjen yang telah berjaya merangkul juara keseluruhan pada kejohanan kali ini. Saya percaya setiap kontinjen pasti telah memberikan yang terbaik dalam persaingan bagi merebut gelaran juara keseluruhan kali ini. Apa yang lebih penting ialah nilai positif yang dapat kita terapkan daripada kejohanan ini dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita seharian. Saya berharap agar semangat yang jitu ini dapat dikekalkan dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam perkhidmatan yang disampaikan supaya setiap kemudahan infrastruktur yang disediakan dapat dinikmati oleh rakyat dengan selamat dan selesa.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam

penganjuran Kejohanan Sukan Kerja Raya 2010 khususnya kepada ahli jawatankuasa penganjur dan pihak tuan rumah. Buat peserta-peserta yang telah mengambil bahagian pula, saya ucapkan tahniah di atas semangat kesukanan yang tinggi yang telah ditunjukkan. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya menutup secara rasmi Kejohanan Sukan Kerja Raya 2010. Semoga kita dapat bertemu lagi dalam siri Kejohanan Sukan Kerja Raya yang akan datang.

Sekian, terima kasih.